

20 JUN 1999

Umno-Gulung (Abdullah)

UMNO TETAP GAGAH DAN BERSATU, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi berkata Perhimpunan Agung Umno kali ini membuktikan bahawa Umno masih gagah, bersatu dan tidak terjejas oleh isu bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Katanya persidangan itu berjaya menunjukkan semangat perpaduan, setiakawan, kerelaan dan iltizam para anggota parti untuk meneruskan perjuangan agama, bangsa dan negara.

"Ada cakap-cakap daripada orang yang tidak suka kepada kita, oleh sebab kali ini Anwar tiada, mungkin persidangan kali ini menjadi malap atau terganggu dengan perbalahan mengenai isu Anwar.

"Ataupun kata lagi nujum-nujum karut ini, mungkin ucapan presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan disambut dingin," kata Abdullah yang juga Naib Presiden Umno yang menjalankan tugas-tugas Timbalan Presiden parti.

Bagaimanapun, menurutnya seluruh negara menjadi saksi bahawa persidangan yang terbesar diadakan oleh anggota-anggota Umno itu berjaya membuktikan kepada semua, bahawa Umno masih gagah.

Persidangan itu menunjukkan semangat seia-sekata para perwakilan yang masih mahu Dr Mahathir terus memimpin parti, katanya ketika berucap menggulung perbahasan pada hari akhir perhimpunan itu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

"Masih bersedia mematuhi arahan kepimpinan bukan membantah, masih bersedia menghadapi apa juga cabaran dan tidak menyalahkan," katanya.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri menyatakan penghargaan kepada pasukan keselamatan yang berjaya mengawal keselamatan dan memastikan keamanan di negara ini termasuk ketika berlakunya beberapa demonstrasi jalanan di ibu negara baru-baru ini.

Beliau kesal kerana anak-anak muda melakukan demonstrasi jalanan di kawasan berdekatan Kampung Baru dan kawasan Chow Kit yang merupakan kawasan berlakunya perbalahan yang mencetuskan peristiwa berdarah 13 Mei pada tahun 1969.

"Kerana kebijaksanaan polis, kesabaran mereka, ketegasan menjalankan tugas dan tanggungjawab, mereka berjaya mengawal supaya rusuhan tidak merebak keluar dari Kuala Lumpur dan dapat memberhentikannya tanpa kehilangan nyawa," katanya.

Timbalan Perdana Menteri berharap kesabaran pihak polis yang sanggup menerima cacian dan maki hamun dengan kata-kata seperti "anjing" dan "babi" daripada orang ramai dalam tindakan tegas mereka itu, akan mendapat ganjaran daripada Allah SWT.

"Kalau tidak kerana mereka (polis dan tentera) yang menjalankan tugas dengan semangat yang begitu patriotik, kita tidak akan dapat menikmati keamanan dan keselamatan di negara ini," katanya.

Abdullah berkata ramai di antara para anggota pasukan keselamatan terkorban semasa berjuang menghadapi pengganas komunis di negara ini pada suatu ketika dulu atau cedera kerana terpijak jerangkap samar dan ia merupakan pengorbanan besar mereka.

"Mereka seperti kita...sayangkan negara. Kita bekerja memberi sumbangan kepada pembangunan negara, mereka menjaga supaya negara kita selamat dan aman, keamanan dan keselamatan adalah nikmat yang paling besar di negara ini untuk menjalankan kerja dan beribadat kepada Allah," katanya.

-- BERNAMA

AFY RON